

PERADABAN
ISLAM
MERENTASI DISIPLIN ILMU

disunting oleh
NORSHARIANI ABD RAHMAN
FARAH AYUNI MOHD HATTA
ZUBAIDAH MOHD NASIR

PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI • 2024
www.ukm.my/penerbit

Cetakan Pertama / *First Printing*, 2024
Hak Cipta / *Copyright* Universiti Kebangsaan Malaysia, 2024

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Penerbit UKM terlebih dahulu.

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic or mechanical including photocopy, recording, or any information storage and retrieval system, without permission in writing from Penerbit UKM.

Diterbitkan di Malaysia oleh / *Published in Malaysia by*
PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA
www.ukm.my/penerbit
e-mel: penerbit@ukm.edu.my

Penerbit UKM adalah anggota / *is a member of the*
MAJLIS PENERBITAN ILMIAH MALAYSIA /
MALAYSIAN SCHOLARLY PUBLISHING COUNCIL
PERSATUAN PENERBIT BUKU MALAYSIA /
MALAYSIAN BOOK PUBLISHERS ASSOCIATION
No. Ahli / *Membership No.* 198302

Atur huruf oleh / *Typeset by*
PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA

Dicetak di Malaysia oleh / *Printed in Malaysia by*
PERNIAGAAN NORMAHS
No. 3, 5 & 7A, Jalan 12/10, Taman Koperasi Polis Fasa 1,
68100, Mukim Batu, Kuala Lumpur, MALAYSIA



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan
Perpustakaan Negara Malaysia
Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati
dari Perpustakaan Negara Malaysia
ISBN 978-629-486-195-4

Kandungan

Senarai Jadual & Rajah ... 9

Prakata ... 11

BAB 1 Isu Kesihatan, Sains, Alam Sekitar, Pengurusan, Sosiobudaya
dalam Peradaban Islam ... 15

*Norshariani Abd Rahman, Farah Ayuni Mohd Hatta &
Zubaidah Mohd Nasir*

BAB 2 Pengaruh Pengambilan Makanan terhadap Pembentukan
Akhlak ... 25

Annuar Ramadhon Kasa & Mohd Anuar Ramli

BAB 3 Analisis Masalah Kesihatan Mental di Malaysia ... 37

*Mohd Zamre Mohd Zahir, Ramalinggam Rajamanickam
& Nur Khalidah Dahlan*

BAB 4 Rukhamah Keris: Inovasi Gabungan Sains Astronomi
dan Seni Nusantara ... 49

Syed Kamarulzaman Syed Kabeer & Mohd Razlan Ahmad

BAB 5 Sumbangan Bidang Astronomi terhadap Kehidupan Dunia
dan Peradaban Islam ... 65

*Nur Hanie Mohd Latiff, Razanah Ramya, Nurul Hafizah
Mohd Nor & Rashidi Othman*

- BAB 6 Kemajuan Pertanian terhadap Kehidupan Manusia dan Perspektif Islam ... 74
Farah Ayuni Mohd Hatta, Wan Syibrah Hanisah Wan Sulaiman, Qurratu Aini Mat Ali & Rashidi Othman
- BAB 7 Nilai Kompetensi Global Berkaitan Tingkah Laku Mitigasi Perubahan Iklim dalam Kalangan Pelajar ... 92
Norshariani Abd Rahman, Lilia Halim, Chan Mee Yeang & Firdaus Mohamad Hamzah
- BAB 8 Peranan Masjid Hijau terhadap Tingkah Laku Mitigasi Perubahan Iklim ... 101
Norshariani Abd Rahman
- BAB 9 Tingkah Laku Pengurusan Sisa Makanan yang Lestari ... 108
Zubaidah Mohd Nasir, Asilah Aisyah Mohamad Yusoff, Norshariani Abd Rahman & Farah Ayuni Mohd Hatta
- BAB 10 Teori Aduan Awam (AA) Menurut Pandangan Islam: Kepentingan dalam Pengurusan Organisasi ... 119
Madihatun Zainuddin
- BAB 11 Cadangan Rangka Kerja Keselamatan Jalan Raya Menurut Perspektif Islam ... 133
Iskandar Abdul Hamid, Rohayu Saarani, Mohd. Syazwan Solah & Azhar Hamzah
- BAB 12 Membumikan Falsafah Sejahtera Melalui Paradigma Maqasid Syariah ... 146
Ratna Roshida Ab Razak, Zainal Abidin Sanusi & Muhammad Hafeez Zakaria

- BAB 13 Pemaparan Peradaban Islam Melalui Set Penggambaran
Drama Islamik ... 161
Wawarah Saidpudin
- BAB 14 Dialog Drama Melayu dan Hubungannya dengan Pendidikan
Akhlak dalam Komunikasi ... 174
Nor Aina Mohd Yaakop, Fariza Md Sham & A'dawiyah Ismail
- BAB 15 Khutbah Jumaat dan Wadah Pendidikan Rohani Mingguan:
Tadabbur daripada Surah al-Jumu'ah ... 181
Muhammad Zulkifli Nor Azib
- BAB 16 Pengaruh Kesantunan Berbahasa di Media Sosial terhadap
Pendidikan Akhlak Remaja ... 187
Nurul Ashiqin Jaafar & Fariza Md Sham
- Rujukan ... 199*
Senarai Penyumbang ... 227
Indeks ... 233

Prakata

Bismillahirrahmanirrahim.

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah dan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT dan selawat serta salam buat junjungan besar Nabi Muhammad SAW serta para sahabat baginda. Dengan izin-Nya, buku Peradaban Islam Merentasi Disiplin Ilmu telah berjaya diterbitkan. Buku ini adalah terhasil daripada Seminar Serantau Peradaban Islam yang telah dianjurkan pada 27 dan 28 Julai 2022 yang dianjurkan oleh Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia. Penerbitan buku ini adalah salah satu usaha dalam menyepadukan pelbagai disiplin ilmu dengan isu-isu terkini dalam bidang kesihatan, sains, alam sekitar, pengurusan, sosiobudaya dan pendidikan bagi membangunkan peradaban Islam yang berdaya saing dalam mencapai agenda masyarakat Madani.

Dalam sebuah perjalanan menuju keunggulan peradaban, kita seharusnya tidak terbatas pada satu bidang saja. Islam sangat mementingkan kesemua aspek kehidupan termasuklah aspek kesihatan sama ada dari aspek fizikal, mental atau rohani. Pemakanan memainkan peranan penting dalam membentuk kesihatan, akhlak dan tingkah laku seseorang. Makanan yang halal lagi baik akan memberi kesan positif terhadap aspek jasmani dan rohani. Sebaliknya, makanan yang haram memberi kesan negatif kepada aspek fizikal, emosi, spiritual dan akhlak manusia. Kesihatan rohani juga mempengaruhi kesihatan mental dan perlu diberi perhatian. Bantuan awal kepada individu yang mempunyai masalah kesihatan mental memudahkan rawatan diberikan dan mencegah kepada tahap yang semakin parah. Selain itu, dalam meningkatkan kualiti hidup, dorongan daripada masyarakat kepada individu dalam komuniti perlulah dipergiat demi membanteras masalah kesihatan mental ini berlarutan selain pematuhan terhadap undang-undang di Malaysia.

Perkembangan sains dan teknologi dapat menyelesaikan banyak masalah untuk kemaslahatan ummah. Pembangunan dalam aspek astronomi dan pertanian mempengaruhi kehidupan masyarakat Islam sehingga kini. Namun, isu kerosakan alam sekitar terutamanya isu perubahan iklim adalah isu global yang harus ditangani oleh umat Islam.

Dalam menangani kesan perubahan iklim, peranan sebagai khalifah perlu ditonjolkan melalui tingkah laku mitigasi terhadap perubahan iklim. Kesepaduan nilai-nilai dalam pembelajaran adalah penting bagi menyediakan pelajar dengan kompetensi global dalam menangani isu perubahan iklim. Selain daripada itu, institusi keagamaan terutamanya masjid juga perlu memainkan peranan penting dalam usaha mitigasi perubahan iklim melalui agenda masjid hijau. Isu pengurusan sisa makanan juga perlu diberi perhatian kerana ia menyumbang kepada isu perubahan iklim.

Islam juga mementingkan pengurusan dalam organisasi yang berlandaskan kepada etika terutamanya konsep Syura. Aduan awam yang diterima oleh organisasi perlu dibincang dan diambil tindakan yang sewajarnya bagi memberikan perkhidmatan yang berkualiti kepada pelanggan. Aduan awam dapat menjadikan penjawat awam melakukan kerja yang diberikan dengan lebih amanah, bertanggungjawab serta menghasilkan perkhidmatan yang lebih bermutu dan berkualiti. Keselamatan jalan raya juga perlu dititikberatkan oleh masyarakat. Sehingga kini, rangka kerja yang komprehensif bagi mengkaji keselamatan jalan raya menurut perspektif Islam masih belum dimajukan. Justeru, buku ini juga membincangkan rangka kerja penyelidikan jalan raya menurut perspektif Islam mengikut model struktur organisasi Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) yang terdiri dari pusat penyelidikan perubahan tingkah laku manusia, keselamatan kenderaan dan keselamatan jalan raya agar pemantauan terhadap keselamatan jalan raya yang lebih komprehensif.

Kesejahteraan masyarakat memainkan peranan penting dalam pembangunan peradaban Islam. Falsafah sejahtera merupakan falsafah hidup yang boleh menyeimbangkan manusia, sesuai dengan tujuan syariat atau undang-undang iaitu daripada aspek maqasid syariah yang ada dalam Islam. Syariat juga perlu ditekankan dalam kehidupan Muslim termasuklah dalam elemen drama televisyen. Ini disebabkan drama-drama televisyen yang ditonton oleh masyarakat dapat mempengaruhi tingkah laku penonton. Justeru, drama Islamik memainkan peranan dalam mencerminkan cara hidup sebagai Muslim dan memberi pendidikan terutamanya daripada aspek komunikasi. Drama perlu dipantau agar selari dengan nilai Islam dan mengangkat unsur dakwah yang mematuhi syariat, akidah dan akhlak.

Pendidikan diperoleh dari pelbagai sumber sama ada secara formal dan informal. Pendidikan secara informal iaitu melalui khutbah Jumaat memainkan peranan dalam memberi pengajaran kepada masyarakat. Selain itu, media sosial juga memberikan pendidikan kepada masyarakat. Namun, media sosial turut menyumbang ke arah kesan negatif jika digunakan secara salah dan tidak santun ketika berbahasa. Ini kerana penggunaan bahasa dalam media sosial mempengaruhi akhlak daripada aspek komunikasi terutamanya kepada golongan remaja.

Secara keseluruhan, buku ini mengajak pembaca untuk memahami pentingnya menjaga keseimbangan antara ilmu dan konteks zaman. Buku ini membahas isu-isu kontemporari yang relevan dengan peradaban Islam dan memaparkan perspektif Islam yang inklusif, progresif serta berlandaskan kebenaran Al-Qur'an dan Hadis. Bab-bab dalam buku ini juga terhasil daripada geran penyelidikan RH-2023-002, Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS), Kementerian Pengajian Tinggi (FRGS/1/2018/SSI03/UM/02/08, FRGS/1/2022/SSI03/UKM/03/2 dan FRGS/1/2021/SSI0/UPM/02/1), GGPM-2021-041, DPB-2021-229, Skim Geran Penyelidikan Transdisiplinari (TRGS), Kementerian Pengajian Tinggi (TRGS/1/2019/UKM/01/3/4) dan Geran Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS). Penerbitan buku ini juga dibiayai oleh dana IHD1, Institut Islam Hadhari, UKM. Perkongsian daripada buku ini diharapkan dapat menjadi rujukan kepada pembaca dalam memahami isu-isu dalam Peradaban Islam yang merangkumi kesihatan, sains, alam sekitar, pengurusan, sosiobudaya dan pendidikan. Akhir kata, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pengarang dan individu yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam penerbitan buku ini. Semoga usaha kita semua diredai oleh Allah dan akan meninggalkan ilmu yang bermanfaat untuk bekalan di akhirat kelak.

Sekian, terima kasih.

*Norshariani Abd Rahman
Farah Ayuni Mohd Hatta
Zubaidah Mohamad Nasir*